

Kajian Amalan Pentaksiran Pensyarah Program Teknologi Penyejukan Dan Penyamanan Udara Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor (KKHL)

Mohd Hasni Hanapi^{1*}, Zulkurnain Hassan^{2*} Ramlah Mohd Nor¹

¹Kolej Komuniti, Hulu Langat

²Kolej Komuniti, Kota Marudu

***Corresponding author E-mail:** Zulkurnainhassan@gmail.com

Abstrak

Tujuan utama pentaksiran adalah untuk mendapat maklumat tentang kemajuan dan pencapaian seseorang pelajar (Abu Bakar Nordin, 1986; Airasian, 2001; Desforges, 1989; Jacobs & Chase, 1992; McMillan, 2008). Pentaksiran merangkumi aktiviti-aktiviti seperti pembentukan ujian bertulis dan pentaksiran prestasi (*performance assessment*), penggredan, mentafsir skor peperiksaan, memberi maklum balas tentang hasil pentaksiran dan penggunaan hasil pentaksiran dalam membuat keputusan. Apabila menggunakan ujian bertulis dan pentaksiran prestasi, pengajar perlu sedar tentang kelebihan dan kelemahan setiap teknik pentaksiran supaya dapat memilih teknik pentaksiran yang sesuai untuk membuat pentaksiran tentang pembelajaran pelajar (Stiggins, 1992). Kajian bertujuan untuk mengenal pasti inventori amalan pentaksiran pensyarah Program Sijil Teknologi Penyejukan Dan Penyamanan Udara (PPU) Di Kolej Komuniti Hulu Langat dalam melaksanakan penilaian dan pengukuran prestasi pelajar di bengkel-bengkel amali. Satu instrumen, Inventori Amalan Pentaksiran digunakan untuk tujuan tersebut. Inventori ini terdiri daripada dua bahagian utama yang mengumpul maklumat tentang latar belakang pensyarah dan kaedah pembinaan sesuatu soalan pentaksiran. Ia bagi mengetahui inventori utama yang digunakan dalam melaksanakan penilaian. Responden terdiri daripada 17 orang pensyarah program PPU di Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor. Analisis data dibuat dengan menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan nilai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai responden yang mengamalkannya. Hasil kajian menunjukkan bentuk pentaksiran yang sering digunakan oleh pensyarah PPU adalah soalan berbentuk esei dengan aras kognitif pengetahuan. Kebanyakan pensyarah bersedia untuk mentaksir pelajar dengan memberikan pertimbangan utama semasa mentaksir merujuk kepada sukatan pelajaran. Penilaian kerja amali juga adalah antara jenis-jenis penilaian utama yang diamalkan. Kajian ini juga mendapati amalan-amalan pentaksiran pensyarah juga tidak dipengaruhi oleh jantina, umur, bidang pengajaran utama dan gred jawatan. Pensyarah juga mempelbagaikan aspek pembentukan skema pemarkahan, memberi maklum balas hasil penilaian dan penggunaan ujian bertulis dan penggunaan strategi lain. Akhir sekali dicadangkan agar pihak pentadbir memperbanyakkan lagi kursus-kursus atau bengkel-bengkel untuk memantapkan lagi kemahiran pensyarah mengenai pentaksiran dan segala kelemahan dibuat penambahbaikan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran pelajar.

Kata Kunci: amalan pentaksiran; inventori; memberi maklumbalas

1.0 PENGENALAN

Sistem Pentaksiran Kolej Komuniti adalah salah satu indikator pencapaian ke arah pembangunan intelek pelajar. Kualiti sistem pentaksiran, memilih atau membina prosedur pentaksiran, mentadbir prosedur pentaksiran dan ketika memberi skor, membuat pelaporan dan menggunakan keputusan (Rohaya, 2009). Terdapat lima faktor utama yang penting bagi menjamin kualiti pentaksiran adalah kesahan, kebolehpercayaan, keadilan, dan kebolehtadbiran. Secara amnya, terdapat pelbagai cara digunakan dalam sistem penilaian dan

pentaksiran prestasi pelajar iaitu melalui peperiksaan, kerja amali, gerak kerja berkumpulan, projek dan sebagainya. Menurut Evan (1982), terdapat tujuh tujuan penilaian dilaksanakan iaitu untuk dorongan, diagnosis, menilai, memilih, melapor, membanding dan meramal.

Pelaksanaan penilaian merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dalam melaksanakan penilaian yang betul, pengetahuan, pemahaman dan pengamalan terhadap proses-proses melaksanakan penilaian dalam kalangan warga pendidikan merupakan aspek paling penting dalam menghasilkan binaan-binaan soalan ujian yang berkesan dan bermakna dalam menilai keberkesanan hasil pembelajaran pelajar disamping dapat membuat penambahbaikan pembelajaran mereka. Antara aspek-aspek penting dalam melaksanakan penilaian ialah menentukan silibus, membina jadual spesifikasi ujian (JSU), cara membina ujian, pentadbiran ujian, semakan jawapan ujian, analisis item, pelaporan dan tindakan susulan.

Menurut Ariston (2007), dalam melaksanakan pengukuran tahap pencapaian pelajar, ujian semasa amali di makmal berperanan penting untuk menilai status pemikiran dan kemahiran pelajar. Penggubalan soalan-soalan amali di bengkel perlu melalui beberapa proses termasuklah penyediaan JSU, pembinaan item ujian, membuat ujian rintis, memurnikan item ujian. Secara dasarnya, keseluruhan proses ini membantu untuk memastikan kualiti item ujian dari segi kebolehpercayaan, kesahan seterusnya pengukuran yang adil (Hale, 1980) Justeru, kepentingan pentaksiran dalam aspek pengujian di bengkel dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah seterusnya menilai tahap keupayaan dan perkembangan potensi intelektual pelajar.

1.1 Latar Belakang Masalah

Sistem penilaian di Kolej Komuniti menggunakan sistem penilaian semester yang dilakukan secara berterusan dalam suatu semester tersebut. Sistem semester menggalakkan para pelajar mengulang kaji sepanjang masa dan akan menambahkan motivasi pelajar kerana mereka harus sentiasa tekun mengulang kaji pelajaran dan menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007) Antara elemen dalam penjenamaan semula Kolej Komuniti adalah mempertingkatkan kualiti kursus yang ditawarkan termasuk sistem penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran serta memastikan kursus yang ditawarkan menepati keperluan masyarakat (Angelina, 2007). Sistem penilaian Kolej Komuniti perlu dikemas kini bagi menjadi landasan untuk mengukur kemampuan pelajar dan pensyarah dengan tepat selaras dengan misi memartabatkan Kolej Komuniti.

Peperiksaan merupakan penanda aras terhadap kecemerlangan pelajar dan sesebuah institusi tersebut (Abd Rahim, 2002). Prestasi pelajar dipengaruhi oleh dua faktor penting iaitu kegiatan mereka mengulang kaji dan menjawab soalan peperiksaan. Di institut pengajian tinggi, soalan yang mempunyai bentuk seperti Pentaksiran bilik darjah pada amnya terdiri daripada tiga domain utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Russell & Airasian, 2012). Domain kognitif merangkumi penggunaan aktiviti intelektual seperti menghafal, mentafsir,

mengaplikasikan pengetahuan, menyelesaikan masalah serta pemikiran secara kritikal. Domain afektif melibatkan perasaan, sikap, nilai, minat dan emosi manakala domain psikomotor pula merangkumi aktiviti fizikal yang memerlukan murid memanipulasikan penggunaan objek seperti pen, jangka lukis dan pembaris. Guru kebiasaannya lebih memberikan tumpuan terhadap pentaksiran domain kognitif berbanding pentaksiran domain afektif dan psikomotor (Russell & Airasian, 2012).

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan temubual awal dan pemerhatian penyelidik sebagai pensyarah, masih terdapat pensyarah tidak mengamalkan prosedur penilaian betul sama ada dalam aspek menentukan tujuan dan kandungan ujian, menggunakan JSU, menulis item, dan menyemak item. Mereka lebih gemar membina item sendiri tanpa mengikuti proses-proses yang sebenar dalam membina ujian. Keengganan mereka untuk mengikuti proses-proses sebenar dalam melaksanakan penilaian mungkin ada kaitan dengan tahap pengetahuan mereka terhadap pengujian dan penilaian atau pemahaman mereka terhadap kepentingannya serta masalah-masalah yang dihadapi ketika melaksanakannya.

Kejayaan pelaksanaan pentaksiran banyak bergantung kepada pendekatan dan tatacara yang dilakukan oleh pensyarah-pensyarah. Sehubungan ini juga penggunaan instrumen yang betul dan menepati apa yang dinilai dapat menghasilkan ukuran yang tepat dan bermakna. Justeru proses penambahbaikan boleh dirancang dengan berpandukan dapatan yang tepat. Merujuk pernyataan ini wujud pelbagai masalah dalam pentaksiran akibat daripada ketidaktepatan pensyarah mengukur hasil pembelajaran pelajar. Justeru permasalahan ini timbul bermula dengan proses pengajaran dan pembelajaran sebagaimana diutarakan oleh McMillan (2000). Ini kerana menurut beliau pentaksiran dalam bilik darjah adalah sebahagian daripada aktiviti penting pengajaran dan pembelajaran.

Tumpuan kajian ini adalah mengenai inventori amalan pensyarah tentang prosedur pengujian dan penilaian. Dalam menilai keberkesanan pembelajaran dan pengajaran. Kajian ini, turut dijalankan bagi mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi ketika melaksanakan penialian.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif iaitu:

- i. Mengenalpasti amalan yang biasa dilakukan oleh pensyarah-pensyarah program PPU dalam mentaksir pembelajaran pelajar.
- ii. Untuk mengetahui sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan demografi.

1.4 Persoalan Kajian

Sehubungan daripada pernyataan-pernyataan di atas, beberapa persoalan berikut dikemukakan:

- i. Apakah amalan yang biasa dilakukan oleh pensyarah-pensyarah program PPU dalam mentaksir pembelajaran pelajar?
- ii. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan demografi?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis yang dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut:

Hipotesis nol 1: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan jantina

Hipotesis nol 2: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah dengan umur

Hipotesis nol 3: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah dengan bidang pengajaran utama

Hipotesis nol 4: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah dengan gred jawatan

Hipotesis nol 5: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah dengan tempoh perkhidmatan

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Sorotan Kajian Lepas

Abu Bakar (1986) mentakrifkan pentaksiran sebagai satu proses meliputi penentuan objektif, pengutipan maklumat dan pembentukan kesimpulan. Apabila proses ini dijalankan dengan sistematik dan saintifik, keputusan yang dibuat akan lebih tepat dan dengan itu dapat memenuhi tujuan keputusan itu dibuat. Pentaksiran juga boleh dijelaskan sebagai penglibatan beberapa proses kecil seperti penentuan objektif, pengumpulan maklumat yang relevan, pemprosesan maklumat, pembentukan kesimpulan yang relevan dan memenuhi tujuan penilaian

Makluman daripada hasil ujian digunakan juga untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan pengajaran (Gronlund,1993; Guskey,2001; Paul,2002) bagi meningkatkan pembelajaran pelajar selain daripada untuk tujuan pelaporan. Kepentingan ujian sebagai alat untuk membantu mempertingkatkan keberkesanan pengajaran kurang diberi perhatian oleh kebanyakan pendidik (Guskey,2001). Hasil maklumat daripada proses penilaian yang dijalankan pula dikatakan tidak memberikan maklumat yang boleh membantu untuk mempertingkatkan pengajaran (Paul,2002). Dalam kajian oleh Notar et al. (2004), mereka merumuskan bahawa terdapat perkaitan yang sangat rapat antara pembinaan ujian bilik

darjah oleh guru dengan akauntabiliti guru itu sendiri dalam memastikan kesahan sesuatu ujian. Guru yang tidak mengikut prosedur sebenar penilaian tidak akan dapat menilai pencapaian pelajar dengan baik. Menurut Somini (2002) berkaitan pengetahuan guru mengenai penggunaan JSU terutama dalam aspek membina item ujian, kebanyakan guru telah mengetahui tentang prosedur pembinaan item-item soalan yang betul. Malah, mereka juga tahu bahawa pembinaan JSU meliputi enam aras kemahiran kognitif. Namun, beliau menjelaskan lagi, majoriti guru tidak percaya bahawa penggunaan JSU lebih memudahkan tugas mereka menjalankan kerja-kerja pembinaan item ujian. Kajian di luar negara juga menunjukkan dapatan yang hampir serupa. Menurut Senk, Beckman dan Thompson (1997), pelaksanaan penilaian dalam kalangan guru-guru sekolah tinggi Amerika Syarikat masih bergantung kepada pengetahuan dan kepercayaan guru terhadap penilaian itu sendiri. Guru menganggap bahawa penilaian dan pengujian adalah sesuatu proses yang terasing daripada proses pembelajaran dan pengajaran

Menurut Rosmawati (2008) menjelaskan guru mungkin tidak mengikut prosedur yang betul apabila membina item ujian terutamanya proses merancang ujian masih kurang diamalkan oleh guru-guru sekolah. Hal ini timbul disebabkan kurangnya pengetahuan guru-guru tersebut terhadap aspek merancang ujian termasuklah penggunaan JSU dan mereka mengambil jalan mudah ketika membina item ujian dengan mengambil terus soalan daripada buku-buku yang dijual dalam pasaran kini.

Dalam kajian oleh Muhamad Sahari (2001) telah mendapati guru dengan 20 jenis amalan negatif pengujian dan pentaksiran. Antaranya ialah ujian yang dibina tidak berkaitan dengan isi pelajaran, kertas ujian banyak kesilapan, soalan sukar dan mudah terlalu ekstrem dan JSU tidak disediakan sebelum item digubal. Akibatnya, guru gagal melaksanakan pengujian dan penilaian yang berkualiti dan memberi impak yang negatif terhadap proses pembelajaran dan pengajaran.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang mana soalnya adalah diubahsuai dari instrument Inventori Amalan Pentaksiran Guru (IAPG) berdasarkan kajian Zhang & Burry-Stock (2003). Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi lima soalan berkaitan dengan maklumat responden. Manakala bahagian B pula mengandungi 51 item yang mewakili 10 pembolehubah yang berkaitan dengan persoalan kajian. Soal selidik yang digunakan merupakan soal selidik berstruktur iaitu skala empat untuk mewakili tahap persetujuan responden mengenai sesuatu pernyataan. Angka 1 mewakili Tiada (T), angka 2 mewakili Jarang-jarang (JJ), angka 3 mewakili Selalu (S) dan angka 4 mewakili Sangat Kerap (SK)

4.0 HASIL DAN KEPUTUSAN

4.1 Dapatan Kajian

Jadual 1: Ciri-ciri Demografi Responden

CIRI-CIRI DEMOGRAFI	FREKUENSI	PERATUS (%)
<u>Jantina</u>		
Lelaki	8	47.1
Perempuan	9	52.9
<u>Umur</u>		
28 - 32 Tahun	1	5.9
33 – 37 Tahun	11	64.7
38 – 42 Tahun	3	17.6
43 Tahun dan Keatas	2	11.8
<u>Bidang Pengajaran Utama</u>		
PPU 1 (Domestik)	6	35.3
PPU 2 (Kenderaan)	2	11.8
PPU 3 (Komersial)	5	29.4
PPU 4 (Industri)	4	23.5
<u>Gred Jawatan</u>		
29 – 34	7	21.2
41 – 44	9	52.9
48 - 54	1	5.9
<u>Tempoh Perkhidmatan</u>		
4 – 10 Tahun	8	47.1
10 Tahun dan Keatas	9	52.9

Berdasarkan data yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa pengajar Kolej Komuniti Hulu Langat dari program Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan udara terdiri daripada 52.9% perempuan dan 47.1% lelaki. Umur majoriti pensyarah adalah 33 – 37 tahun iaitu 64.7%. Dari segi semester didapati 35.3% adalah dari semester 1, 11.8% dari semester 2, 29.4% dari semester 2 sementara 23.5% adalah pensyarah yang mengajar semester 4. Seramai 52.9% adalah dari gred jawatan 41 – 44, 21.2% dari gred jawatan 29 – 34 sementara hanya 5.9% adalah gred 48-54. Tempoh perkhidmatan pensyarah adalah 47.1% dari tempoh 4 – 10 tahun dan 52.9% adalah 10 tahun dan keatas pengalaman mengajar

Persoalan Kajian 1: Apakah amalan yang biasa dilakukan oleh pensyarah-pensyarah program PPU dalam mentaksir pembelajaran pelajar?

a) Kesiediaan Pensyarah untuk menilai pelajar

Jadual 2: Tahap kesiediaan pensyarah dalam menilai pelajar

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
1	Tidak bersedia	29.4	29.4	35.3	5.9	2.18	0.951
2	Sedikit bersedia	17.6	35.3	41.2	5.9	2.35	0.862
3	Agak bersedia	5.9	23.5	64.7	5.9	2.71	0.686
4	Bersedia	0	11.8	64.7	23.5	3.12	0.600
5	Sangat bersedia	0	17.6	52.9	29.4	3.12	0.697
				Keseluruhan		2.69	0.485

b) Kekerapan semasa membina ujian

Jadual 3: Taburan responden mengikut peratusan kekerapan semasa membina ujian

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
6	Menggunakan Jadual Penentuan Ujian (JPU)	0	29.4	47.1	23.5	2.94	0.748
7	Merujuk kepada objektif pembelajaran	0	17.6	41.2	41.2	3.24	0.752
8	Merujuk kepada kandungan pengajaran & pembelajaran	0	0	70.6	29.4	3.29	0.470
9	Merujuk kepada sukatan pelajaran	0	0	64.7	35.3	3.35	0.493
10	Menentukan bilangan item mengikut pemberatan isi kandungan yang diajar	0	11.8	58.8	29.4	3.18	0.636
				Keseluruhan		3.20	0.534

c) Kekerapan Mengubahsuai Soalan

Jadual 4: Kekerapan mengubahsuai soalan daripada sumber-sumber untuk dijadikan rujukan soalan ujian

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
11	Soalan daripada buku teks atau buku rujukan	0	23.5	52.9	23.5	3.00	0.707
12	Soalan dari bank soalan/panel	5.9	17.6	58.8	17.6	2.88	0.781
13	Soalan ujian yang dibina oleh pensyarah lain	0	35.3	58.8	5.9	2.71	0.588
14	Soalan ujian yang diberi oleh ketua unit/program	23.5	41.2	29.4	5.9	2.18	0.883
15	Soalan daripada kertas peperiksaan lepas	0	47.1	41.2	11.8	2.65	0.702
				Keseluruhan		2.68	0.459

d) Kekeperan membina soalan berdasarkan aras kognitif

Jadual 5: Kekeperan membina soalan ujian dengan aras kognitif

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
16	Pengetahuan, iaitu mengingati fakta dan maklumat yang dipelajari	0	17.6	58.8	23.5	3.06	0.659
17	Pemahaman, iaitu memahami isi kandungan yang dipelajari	0	17.6	64.7	17.6	3.00	0.612
18	Aplikasi, iaitu mengaplikasi perkara yang dipelajari dalam situasi baru	0	11.8	82.4	5.9	2.94	0.429
19	Analisis, iaitu menganalisis isi kandungan yang dipelajari	5.9	23.5	52.9	17.6	2.82	0.809
20	Sintesis, iaitu mensintesis maklumat yang dipelajari menjadi bentuk baru	11.8	35.3	41.2	11.8	2.53	0.874
21	Penilaian, iaitu membuat penilaian terhadap perkara yang dipelajari	5.9	5.9	76.5	11.8	2.94	0.659
Keseluruhan						2.88	0.496

e) Kekeperan menggunakan bentuk-bentuk pentaksiran ujian bertulis

Jadual 6: Kekeperan menggunakan bentuk-bentuk pentaksiran apabila membina ujian bertulis

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
22	Soalan Objektif Aneka Pilihan	29.4	52.9	17.6	0	1.88	0.697
23	Soalan Esei	5.9	23.5	70.6	0	2.65	0.606
24	Soalan Mengisi Tempat Kosong	5.9	35.3	52.9	5.9	2.59	0.712
25	Soalan Jawapan Pendek	0	41.2	58.8	0	2.59	0.507
26	Soalan Betul/Salah	29.4	41.2	23.5	5.9	2.06	0.899
27	Soalan Pemandan	41.2	41.2	17.6	0	1.76	0.752
Keseluruhan						2.25	0.500

f) Ke kerap an menggunakan jenis-jenis penilaian apabila menilai pelajar

Jadual 7: Ke kerap an menggunakan jenis-jenis penilaian apabila menilai pelajar

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
28	Projek	0	11.8	52.9	35.3	3.24	0.664
29	Kerja Amali	0	0	47.1	52.9	3.53	0.514
30	Portfolio/Tugasan Teori	0	17.6	52.9	29.4	3.12	0.697
31	Projek Kerja Kumpulan	0	17.6	52.9	29.4	3.12	0.697
Keseluruhan						3.25	0.515

g) Strategik-stratrgik lain penilaian

Jadual 8: Strategik lain penilaian

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
32	Menyoal secara lisan	0	17.6	52.9	29.4	3.12	0.697
33	Pemerhatian	0	5.9	58.8	35.3	3.29	0.588
34	Projek kerja lain	0	5.9	70.6	23.5	3.18	0.529
35	Penilaian sendiri oleh pelajar	5.9	17.6	47.1	29.4	3.00	0.866
36	Temubual	0	35.3	47.1	17.6	2.82	0.728
Keseluruhan						3.08	0.557

h) Pertimbangan utama semasa pemilihan cara pentaksiran

Jadual 9: Pertimbangan utama semasa pemilihan cara pentaksiran

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
37	Mudah Untuk Diberi Markah	0	5.9	82.4	11.8	3.06	0.429
38	Mudah Disediakan	0	5.9	82.4	11.8	3.06	0.429
39	Sesuai Dengan Objektif Pembelajaran	0	0	64.7	35.3	3.35	0.493
40	Diterima Oleh Pihak Pentadbir	0	23.5	58.8	17.6	2.94	0.659
41	Pengaruh Peperiksaan Akhir	0	11.8	70.6	17.6	3.06	0.556
Keseluruhan						3.09	0.394

i) Pembinaan skema pemarkahan

Jadual 10: Pembinaan Skema pemarkahan

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
42	Kekerapan Membina Skema Jawapan	0	23.5	64.7	11.8	2.88	0.600
43	Kekerapan Menggunakan Rubric Penskoran	0	11.8	58.8	29.4	3.18	0.636
44	Kekerapan Membina Runrik Penskoran Berdasarkan Peperiksaan Awam	0	17.6	64.7	17.6	3.00	0.612
45	Kekerapan Menggunakan Buku Rujukan Untuk Membina Rubric Penskoran	0	23.5	64.7	11.8	2.88	0.600
46	Kekerapan Menggunakan Maklumat Daripada Pensyarah Lain Untuk Membina Rubric Penskoran	0	17.6	64.7	17.6	3.00	0.612
47	Kekerapan Gunakan Sumber Lain Untuk Membina Rubric Penskoran	0	11.8	82.4	5.9	2.94	0.429
Keseluruhan						2.98	0.395

j) Maklumbalas penilaian

Jadual 11: Maklumbalas penilaian

NO	PERNYATAAN	T	JJ	S	SK	Min	Sisihan Piawai
48	Maklumbalas hasil penilaian kepada pelajar	5.9	17.6	58.8	17.6	2.88	0.781
49	Maklumbalas hasil penilaian kepada ibu bapa	29.4	41.2	23.5	5.9	2.06	0.899
50	Maklumbalas hasil penilaian kepada pensyarah lain	11.8	29.4	52.9	5.9	2.53	0.800
51	Maklumbalas hasil penilaian kepada pentadbir (Ketua Program/Ketua Jabatan)	5.9	23.5	52.9	17.6	2.82	0.809
Keseluruhan						2.57	0.648

Persoalan Kajian 2: Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan demografi?

Hipotesis nol 1: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan jantina

Jadual 12: Hubungan Kolerasi Antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan jantina

Jantina	Signifikan, p	Pearson, r	Keputusan Hipotesis
Keseluruhan	0.324	- 0.255	Tidak terdapat hubungan Diterima

Signifikan pada aras keyakinan $f \leq 0.05$

Hipotesis nol 2: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan umur

Jadual 13: Hubungan Kolerasi Antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan umur

Umur	Signifikan, p	Pearson, r	Keputusan Hipotesis
Keseluruhan	0.650	0.119	Tidak terdapat hubungan Diterima Tiada korelasi

Signifikan pada aras keyakinan $f \leq 0.05$

Hipotesis nol 3: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan bidang pengajaran utama

Jadual 14: Hubungan Kolerasi Antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan bidang pengajaran utama

Bidang Pengajaran Utama	Signifikan, p	Pearson, r	Keputusan Hipotesis
Keseluruhan	0.124	- 0.378	Tidak terdapat hubungan Diterima Korelasi lemah

Signifikan pada aras keyakinan $f \leq 0.05$

Hipotesis nol 4: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan gred jawatan

Jadual 15: Hubungan Kolerasi Antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan gred jawatan

Gred Jawatan	Signifikan, p	Pearson, r	Keputusan Hipotesis
Keseluruhan	0.973	0.009	Tidak terdapat hubungan Diterima Tiada korelasi

Hipotesis nol 5: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan tempoh perkhidmatan

Jadual 16: Hubungan Kolerasi Antara amalan penilaian pensyarah berdasarkan tempoh perkhidmatan

Tempoh Perkhidmatan	Signifikan, p	Pearson, r	Keputusan Hipotesis
Keseluruhan	0.390	0.223	Tidak terdapat hubungan Diterima Korelasi lemah

Signifikan pada aras keyakinan $f \leq 0.05$

5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Perbincangan Hasil Kajian

Daripada hasil analisa didapati pensyarah PPU mempunyai keyakinan dan bersedia untuk membuat pentaksiran terhadap pelajar. Ini terbukti apabila 52.9% responden sangat bersedia. Ini juga dibuktikan benar apabila pensyarah PPU memilih cara pentaksiran dengan memberi pertimbangan utama terhadap kesesuaian sesuatu pentaksiran dengan merujuk kepada sukatan pelajaran. Bagi kaedah rujukan dalam membina soalan, pensyarah kerap kali mengubahsuai soalan daripada buku rujukan atau modul pembelajaran yang dibekalkan. Bagi item kekerapan membina soalan ujian dengan aras kognitif pula didapati kebanyakan pensyarah menggunakan aras pengetahuan iaitu mengingat fakta dan maklumat yang dipelajari.

Kajian ini juga mendapati pensyarah banyak menggunakan soalan berbentuk esei bagi membina ujian bertulis dalam membuat pentaksiran tentang pelajar mereka, manakala kaedah pentaksiran yang paling kurang digunakan adalah soalan pepadanan dan soalan objektif aneka pilihan. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan penilaian kolej komuniti lebih menumpukan kepada penilaian amali dan penerangan proses kerja. Bagi kekerapan menggunakan jenis-jenis penilaian apabila menilai pelajar, didapati pensyarah PPU KKHL kerap menggunakan penilaian berbentuk kerja amali apabila menilai pelajar dengan min sebanyak 3.53 dimana kebanyakan pensyarah sangat kerap menggunakan kaedah ini.

Pensyarah PPU juga sentiasa memastikan bahwa setiap cara pentaksiran yang ingin digunakan untuk mentafsir pelajar sesuai dengan objektif pembelajaran dan kurang mempertimbangkan samada ia diterima oleh pentadbir atau tidak. Bagi strategic-strategik lain penilaian pensyarah lebih suka membuat penilaian secara pemerhatian iaitu memerhatikan kerja amali yang dijalankan oleh pelajar dan memberi markah. Pensyarah kerap menggunakan rubric pemarkahan bagi membina skema pemarkahan dan kurang menggunakan buku rujukan untuk membina rubric. Dari segi maklumbalas pula, pensyarah sering memberikan maklumbalas hasil penilaian kepada pelajar dan kurang memberi maklumbalas hasil penilaian pelajar kepada ibu bapa mereka. Kajian ini juga mendapati

amalan-amalan pentaksiran pensyarah juga tidak dipengaruhi oleh jantina, umur, bidang pengajaran utama dan gred jawatan.

5.2 Implikasi Dan Cadangan Kajian

Kajian ini mendapati kebanyakan pensyarah membuat penilaian atau pentaksiran tidak mengikut kaedah yang betul dan banyak bergantung kepada kemahiran yang sedia ada pada mereka sahaja. Pensyarah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam membuat pentaksiran kepada pelajar. Oleh itu, untuk meningkatkan tahap literasi pentaksiran mahupun kualiti pentaksiran pensyarah PPU KKHL, pihak KKHL perlulah lebih kerap menganjurkan kursus-kursus tentang pentaksiran. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat amalan pentaksiran yang berbeza antara individu. Ini bermaksud latihan pentaksiran yang diadakan perlu lebih spesifik untuk pensyarah mengikut bidang. Keperluan kemahiran pentaksiran untuk pensyarah teknikal adalah berbeza dengan pensyarah pengajian. Pensyarah PPU dalam kajian ini menunjukkan kesediaan dalam menjalankan pentaksiran terhadap pembelajaran pelajar.

6.0 RUJUKAN

- Ab Aziz Yusof (1999). Penilaian Prestasi: Konsep dan Kaedah Perlaksanaan. Kedah: Universiti Utara Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan. 100-105
- Ab. Rahman (2000). Komunikasi Bilik Kuliah. Kelantan: Jurnal Akademik, Maktab Perguruan Kota Bharu, Pengkalan Chepa. Vol. 120. 25
- Abdul Ghafar Mohammad (2003). Prinsip dan Amalan Pengajaran. Kuala Lumpur: Utusan Distributors Sdn Bhd. 91.
- Abdul Rahim Abdul Rashid, Abdul Aziz Abdul Talib, Abdul Ghafar Md Din dan Mohamad Haron (2000). Panduan Latihan Mengajar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 90.
- Abd Rahim A. R. (2002). Agenda perubahan pendidikan sains sosial dalam mengharungi alaf
- Abu Bakar Nordin (1986). Asas Penilaian Pendidikan. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn administrators. Practical Assessment, Research & Evaluation, 7(8).
- Airasian, P. W. (2001). Classroom Assessment: Concepts And Applications (4th edition ed.). baru. Dlm. Abd Rahim Abd Rashid. (pnyt.). Pengajaran dan pembelajaran sains sosial: Bhd.
- Hale, Gordon et al (December 1980), "Effects of Item Disclosure on TOEFL Performance," Research Report No. 8, Educational Testing Service, Princeton, NJ.
- Item Soalan Ujian di Kalangan Guru-Guru Kemahiran Hidup Di Daerah Kulai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

McMillan, J. H. (2000). *Fundamental assessment principles for teachers and school* New York: McGraw-Hill Higher Education.

Rohaya Talib (2009). *Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Ujian Literasi Pentaksiran*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Doktor Falsafah

Russell, M. K., & Airasian, P. W. (2012). *Classroom assessment: Concepts and applications* (7thed.) (pp. 249-299). New York, NY: McGraw-Hill.